

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**  
**TARIKH : 8 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana Kementerian Kesihatan membuat kajian mengenai penggunaan *polystyren* untuk membungkus makanan adakah selamat atau tidak dari sudut kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedar dan peka mengenai isu penggunaan bekas makanan daripada *polistirena (polystyrene)*. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan turut menjalankan pemantauan ke atas penggunaan bahan *polistirena (polystyrene)* untuk membungkus makanan.

Berdasarkan kepada maklumat saintifik yang telah dinilai, didapati tiada bukti yang menyatakan ia tidak selamat atau memudaratkan kesihatan. Di samping itu, KKM juga memantau tindakan yang dijalankan oleh

agensi di peringkat antarabangsa dan negara-negara maju dan mereka juga mendapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan ia boleh menjejaskan kesihatan manusia. **Sehingga kini tiada negara yang menghentikan penggunaan bekas makanan *polistirena* di atas sebab keselamatan makanan.**

Walau bagaimanapun, KKM akan sentiasa menilai hasil pemantauan tahap keselamatan bahan pembungkus makanan daripada *polistirena* (*polystyrene*) secara berterusan. KKM tidak akan teragak-agak untuk menghentikan penggunaan bahan pembungkus makanan ini sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan ia boleh menjejaskan kesihatan pengguna.